

NEGARA AKAN DITIMPA BENCANA JIKA PEMIMPIN TAK TEGAS — PM

14 APR 1987

KUALA LUMPUR 13 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, masyarakat dan negara akan ditimpa bencana dan hilang maruah jika mereka dipimpin dan ditadbir oleh pemimpin - pemimpin yang tidak tegas dan tidak tahan menghadapi cabaran dalam menjalankan tugas. Berucap merasmikan musababah membaca Al-Quran peringkat kebangsaan di Pusat Islam malam ini, Perdana Menteri menegaskan: "Kita perlukan pemimpin dan pentadbir yang tegas, kerana matlamat sesebuah masyarakat dan negara ialah menjamin keharmonian, keadilan dan juga kesejahteraan. "Sekiranya para pemimpin dan pentadbir negara terdiri dari kalangan orang - orang yang tidak mempunyai sifat yang tegas dan yakin kepada kebenaran, kepada tanggungjawab dan tugas yang dipikulnya, maka

akan lemahlah masyarakat keseluruhannya." Menurut Perdana Menteri, perbuatan rasuah, pilih kasih dan ketagih arak dan dadah adalah ciri-ciri yang mencerminkan peribadi yang tidak tegas dan tidak tahan menghadapi cabaran

dalam menjalankan tugas dan amanah. "Sesebuah masyarakat dan sesebuah negara yang dipimpin dan ditadbirkan oleh peribadi - peribadi yang lemah akan ditimpa bencana, dan akan hilanglah maruah bangsa,

agama dan negara. "Jadi dalam hal ini wajarlah seluruh pemimpin dan pentadbir di negara ini kembali menghayati sifat-sifat tegas yang dituntut oleh Islam," ujar Datuk Sri

LIHAT MUKA 6

Negara akan ditimpa bencana jika pemimpin tak tegas — PM

Dr. Mahathir. Beliau menambah, sekalipun dalam melaksanakan ketegasan ini mereka terpaksa berhadapan dengan berbagai rintangan, halangan dan cemuhan, mereka harus terus berusaha dengan penuh semangat. Ketegasan, kata Perdana Menteri, adalah penting bagi umat Islam di negara ini kerana dari ketegasan umah, agama Islam akan terus mulia dan dihormati serta diterima oleh seluruh masyarakat. "Kita perlukan pemimpin dan pentadbir yang tegas kerana matlamat sesebuah masyarakat dan negara ialah menjamin keharmonian, keadilan dan juga kesejahteraan," ujar beliau. Beliau berkata, musababah membaca Al-Quran peringkat kebangsaan kali ini bertemakan "Umat Tegas, Islam Teguh" atas kesedaran kerajaan akan pentingnya pembentukan peribadi umat Islam supaya

sesuai dengan fitrah kejadian manusia dan kehendak agama. "Kita harus mencari jalan ke arah membentuk umah yang tegas selain dari menekankan tentang perlunya pentadbir dan pemimpin yang tegas." Selain dari itu, ujarnya, ketegasan di kalangan pendidik dan ibu bapa juga penting kerana keteguhan dan ketinggian akhlak generasi muda banyak bergantung kepada mereka. "Melalui asuhan dan contoh yang ditunjukkan oleh para guru dan ibu bapa akan tersemat sifat yang mulia di kalangan murid-murid dan anak-anak," katanya. Kerajaan, tambah Perdana Menteri lagi, akan mengadakan berbagai program pendidikan Islam dalam usaha untuk memupuk sifat-sifat yang mulia untuk dihayati, antaranya termasuk program "Takmir masjid" untuk membentuk peribadi Muslim yang berakhlak mulia dan baik.